

اکٹام راسموں

Agama Rasmi



Agama Rasmi

Latar Belakang dan Sumbangan Pegawai Kerajaan

**Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji
Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman
MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**(*) Teks ceramah Yang Berhormat semasa menjadi Pengarah Penerangan dalam Kursus Pengenalan bagi
Siswazah-Siswazah Yang Baru Berkhidmat, Mei 1982**



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah
Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul
Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

Terbitan
Unit Penerbitan Melayu
Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Cetakan Kelima
2014

Hak Cipta
Jabatan Penerangan

Penyelaras
Sastraa Sarini binti Haji Julaini
Muhd Khairulhadi bin Haji Muhd Muhtaddir

Kompilasi, Susunan & Reka Letak
Sastraa Sarini binti Haji Julaini

Penyemakan
Hajah Norpisah binti Mohd Salleh
Astrilen @ Atikah binti Mohd. Asyraf
Hajah Sujimawati binti Mejari

Reka Bentuk Kulit
Haji Salleh bin Haji Yusof

ISBN
978-99917-49-52-5 (Kulit lembut)

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian kandungan buku ini dalam apa bentuk sekalipun sama ada secara elektronik, fotografi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapatkan keizinan bertulis daripada Pengarah Penerangan, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Kandungan

Pendahuluan

Kuasa Memerintah

Perkhidmatan Awam

Konsep Islam

Tugas Memerintah

Komitmen Pegawai-Pegawai dan Kakitangan Kerajaan

Meneraju dan Meningkatkan Kepentingan Agama
Rasmi

Berbagai-Bagai Saluran

Penutup

PENDAHULUAN

Bahagian II Perlembagaan tahun 1959 Bab 3 memperuntukkan:

- (1) Agama rasmi bagi negeri adalah agama Islam menurut Ahli Sunnah Waljamaah tetapi agama-agama yang lain boleh diamalkan dengan aman dan sempurna oleh mereka yang mengamalkannya.
- (2) Ketua agama negeri ialah Sultan.
- (3) Pegawai yang kanan sekali yang bertanggungjawab kepada Sultan berkenaan dengan agama, adat istiadat dan kebajikan negeri ialah pertama, Pengetua Agama; kedua, Yang Dipertua Adat Istiadat dan ketiga, Pegawai Kebajikan Masyarakat.

Negeri Brunei dari awal sejarahnya telah dikenal sebagai sebuah Kesultanan Melayu Islam. Pertembungannya dengan kuasa dan pengaruh asing terutama sekali dari Barat sampailah ke zaman ini tidak mengubah sikap tersebut.

Kedudukan terakhir semenjak Perlembagaan tahun 1959 itu semakin menjelaskan lagi sifat Brunei sebagai sebuah Kesultanan Melayu Islam dan peruntukan perlembagaan mengenai agama rasmi negeri seperti yang disebutkan tadi adalah menjadikan Islam itu sebagai unsur yang berpengaruh dalam hal ehwal negeri ini.

Tidak diragukan betapa menjadikan Islam sebagai unsur yang berpengaruh itu sedang dalam prosesnya. Ungkapan kata menjadikan "Islam sebagai cara hidup yang lengkap lagi sempurna" dan "Islam sebagai ideologi negara" kedua-duanya merupakan pernyataan hasrat yang telah menjadi dasar kerajaan dalam perkara agama semenjak satu dekad yang terakhir ini.

KUASA MEMERINTAH

Bahagian III Perlembagaan memperuntukkan perihal kuasa memerintah yang tinggi dan pegawai-pegawai utama.

Bab 4 daripadanya menyebutkan:

- (1) Kuasa memerintah yang tertinggi bagi negeri terletak di dalam tangan Sultan.
- (2) Tertakluk kepada perlembagaan ini dan kepada lain-lain undang-undang bertulis, kuasa memerintah negeri hendaklah dijalankan oleh Sultan sendiri atau oleh pegawai-pegawai yang menjalankannya dengan nama dan bagi pihak baginda.

Selepas itu bab yang sama telah menyebut peruntukan-peruntukan mengenai lantikan Menteri Besar dan Timbalan Menteri Besar, serta lantikan 'Menteri-Menteri' yang akan membantu Menteri Besar iaitu Setiausaha Kerajaan, Peguam Negara, Pegawai Kewangan Negara dan "beberapa orang menteri lain sebagaimana yang Sultan boleh melantik di kalangan anggota-anggota Jemaah Menteri untuk menjalankan kuasa-kuasa kerja."

Peruntukan-peruntukan yang disebutkan ini telah menjelaskan yang kedudukan Sultan selaku yang memegang kuasa tertinggi bagi negeri dalam menjalankan pemerintahan iaitu sama ada dijalankannya sendiri atau oleh pegawai-pegawai baginda tertakluk kepada perlembagaan dan sebarang undang-undang bertulis yang menjalankannya bagi pihak baginda. Menteri Besar adalah bertanggungjawab kepada Sultan bagi menjalankan semua kuasa memerintah dalam negeri.

PERKHIDMATAN AWAM

Perlembagaan juga telah memperuntukkan mengenai tiap-tiap orang yang memegang jawatan dalam perkhidmatan kerajaan; penubuhan sebuah Suruhanjaya bagi Perkhidmatan Awam dan kuasa melantik, menukar, menaikkan pangkat, memecat atau menghukum.

Bab 70 menjelaskan bahawa tiap-tiap orang yang memegang jawatan dalam perkhidmatan kerajaan negeri akan memegang jawatan itu cuma selama yang disukai oleh Sultan, kecuali jika ada lain yang disebutkan dalam perlembagaan.

Bab 17 (1) mempersyaratkan hendaklah ada suatu Suruhanjaya bagi Perkhidmatan Awam yang mengandungi seorang Pengerusi dan empat orang lain yang dilantik oleh Sultan.

Bab 74 (1) memperuntukkan bahawa kuasa melantik, menukar, menaikkan pangkat, memecat atau menghukum tentang tatatertib pegawai-pegawai kerajaan adalah diletakkan dalam tangan Sultan. Dalam menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh ceraian (1) ini, maka dalam ceraian (2) Bab yang sama mempersyaratkan Sultan dikehendaki berunding dengan dan menurut nasihat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, kecuali berkenaan dengan Menteri Besar, Setiausaha Kerajaan, pegawai-pegawai seberang laut dan pegawai-pegawai yang ditentukan oleh Sultan dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan dengan siaran dalam warta kerajaan dan jika peraturan-peraturan di bawah Bab 75 daripada perlembagaan mempersyaratkan berlainan.

Peruntukan-peruntukan dalam Bahagian IX iaitu Bab 70, 71 (1) dan (2) adalah menjelaskan kedudukan pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan sebagai orang yang memegang jawatan dalam Perkhidmatan Kerajaan dilantik ke dalam jawatan itu selama mana yang disukai oleh Sultan.

KONSEP ISLAM

Dalam ajaran agama Islam perkara bernegara dan berkerajaan adalah fardhu hukumnya. Umat Islam diwajibkan mempunyai seorang pemimpin tertinggi dengan melantik pemimpin tersebut.

Istilah yang dipakai dalam Perundangan Islam mengenai pemimpin tertinggi itu ada berbagai-bagai sebutan antaranya, ialah Al-Imam dan oleh kerana bentuk dan sistem negara serta kerajaan tidak ditetapkan oleh ajaran Islam sebagai suatu yang statik maka sesuai pula dengan sejarah penubuhan kerajaan dan negeri Islam serta perkembangan seterusnya dari semenjak zaman Nabi hingga ke zaman ini di mana terdapat negeri dan kerajaan Islam dalam bentuknya yang berlainan, maka terjemahan bagi perkataan ‘Al-Imam’ itu nampaknya adalah mengikut status quo kerajaan dan negara di mana umat Islam memegang kuasa memerintah.

Dalam pada itu ajaran Islam menetapkan garis-garis kewajipan dan tanggungjawab Al-Imam itu. Sama ada ia diertikan sebagai raja, sultan, amir, perdana menteri, presiden dan sebagainya, masing-masing adalah diberi tanggungjawab dan kewajipan tertentu. Dengan mengambil kira akan tanggungjawab dan kewajipan itu maka dapat ditentukan sama ada masing-masing menepati takrif jawatan Al-Imam itu atau sebaliknya.

Dalam konteks ini Negara Brunei Darussalam adalah sebuah negeri beraja. Pemerintahan beraja itu telah berterusan semenjak dahulu dan sejarah membuktikan bahawa Islam yang datang ke negeri ini telah memperkuatkannya pemerintahan dan kerajaan. Selama mana pemerintah dan kerajaan itu memikul tanggungjawab dan kewajipan yang ditetapkan oleh agama, maka pemerintahan beraja adalah status quo yang diterima.

Dengan ini terjemahan bagi perkataan Al-Imam dalam konteks Brunei ialah Raja atau Sultan. Kenyataan ini diperkuatkan lagi oleh peruntukan perlombagaan negeri dalam Bahagian III mengenai kuasa memerintah dan pegawai-pegawai utama; dalam Bahagian IX mengenai Perkhidmatan Awam dan bahkan dalam Bahagian II dalam perkara agama rasmi.

TUGAS MEMERINTAH

Konsep Islam mengenai tugas pemerintah adalah ditentukan menurut tanggungjawab atau kewajipan Al-Imam yang dalam konteks kita di negeri ini adalah Raja atau Sultan.


Dilihat dari segi tujuan bernegara dan berkerajaan menurut Islam sebagai alat untuk menegakkan agama, memperolehi kesejahteraan dan melakukan khidmat bakti kerana Allah, maka tanggungjawab dan kewajipan Raja telah digariskan untuk mendukung dan menyempurnakan tujuan tersebut. Ulama-ulama Islam telah membahaskan kewajipan dan tanggungjawab tersebut di mana Imam atau Raja itu antaranya dikehendaki:

1. Menjaga agama menurut dasar-dasar yang termaklum;
2. Membuat keputusan dan menyelesaikan perbalahan dan pergaduhan sehingga semua mendapat keadilan;
3. Melindungi Islam dan negeri Islam;
4. Mempertahankan batas-batas negeri supaya dapat semua orang mencari rezeki dan kehidupan, belayar ke mana-mana dengan aman;
5. Melaksanakan hukum-hukum had dan dera supaya terpelihara segala larangan-larangan Allah;
6. Mempersiapkan pertahanan negeri dengan kelengkapan yang cukup kuat dan berkesan;
7. Berjihad melawan siapa yang menentang Islam;
8. Mengusahakan pengumpulan harta negara dan menentukan pemberian kepada orang-orang yang berhak;
9. Melantik orang-orang yang jujur dan amanah bagi suatu urusan; dan
10. Sentiasa memberi perhatian terhadap keadaan negeri dan rakyat.

Dalam menjalankan kewajipan dan tanggungjawab tersebut ajaran Islam mewajipkan pula Imam atau Raja itu melantik pegawai-pegawai atau kakitangan bagi memegang jawatan-jawatan dalam perkhidmatan kerajaan sebagai wakilnya. Dan kewajipan melantik ini disebutkan juga sebagai sebahagian daripada menuaikan amanah.

Maka berdasarkan ajaran ini, kita melihat peruntukan Perlembagaan tahun 1959 mengenai kuasa memerintah dan pegawai-pegawai utama, kuasa melantik, menaikkan pangkat, memecat dan menghukumkan tentang tatatertib adalah selaras dengan konsep Islam dalam perkara kewajipan atau tanggungjawab Al-Imam, yang dalam konteks Brunei ialah Raja atau Sultan. Dari segi pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan dapat pula disimpulkan bahawa tanggungjawab mereka adalah bagi menyempurnakan tugas-tugas dan urusan yang kerananya mereka dilantik. Tentulah bermakna asas tanggungjawab seseorang pegawai atau kakitangan kerajaan adalah lantikannya ke dalam jawatan yang ia diambil berkhidmat. Dan nyata juga bahawa ia menunaikan tanggungjawabnya itu sebagai wakil orang yang melantiknya – yang dalam konteks negeri ini pada pokoknya ialah Kebawah Duli Yang Maha Mulia sebagaimana yang diperuntukkan perlembagaan.









MEMAJU DAN MENINGKATKAN KEPENTINGAN AGAMA RASMI

Peruntukan perlembagaan negeri ini mengenai agama rasmi bukanlah suatu *apology* terhadap Islam sebagaimana anggapan sesetengah pengkaji mengenai Islam sebagai agama rasmi di dalam perlembagaan kebanyakan negara-negara Islam. Di setengah negara Islam yang lain peruntukan mengenai agama Islam itu kelihatan lebih progresif dan radikal sehingga ada yang menyebutkan "sumber hukum dan undang-undang bagi negara ialah hukum dan undang-undang Islam", tetapi peruntukan sedemikian itu nampaknya setakat di atas kertas.

Hal itu seolah-olah suatu *apology* manakala umat Islam yang berkuasa di negara-negara itu merasa terikat dengan agama berdasarkan latar belakang sejarah dan kebudayaan masing-masing. Tetapi tidak demikian halnya kita di Brunei. Komitmen kita terhadap peruntukan agama rasmi dalam perlembagaan serta juga sifat-sifat negeri dan pemerintahan sebagai sebuah Kesultanan Melayu Islam telah memberikan kita semacam kekuatan dalam menempuh berbagai peristiwa. Sekalipun setakat ini kita belum sampai ke peringkat menjadikan Islam itu dominan ke atas semua aspek kehidupan negeri ini namun cita-cita dan hasrat ke arah itu sudah pun ketara sehingga misalnya kita dengan lantang dan berani mengemukakan gagasan menjadikan Islam sebagai cara hidup yang lengkap lagi sempurna - yang bagi kebanyakan negara-negara Islam dikira agak sensitif.

Pada peringkat sekarang terdapat semangat dan kesedaran yang tinggi di kalangan rakyat majoriti terhadap Islam. Kerajaan, selain mempergiatkan langkah-langkah yang selama ini berkesan mempengaruhi kehidupan beragama, sedang menimbaangkan berbagai-bagi kemungkinan ke arah mengesankan lagi kehidupan beragama itu ke dalam berbagai-bagi bidang. Kesemua ini, baik rakyat maupun kerajaan adalah sedang bergerak ke arah memaju dan meningkatkan kepentingan agama rasmi itu.

Selaras dengan fenomena ini maka sumbangan pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan dalam memaju dan meningkatkan agama rasmi itu hendaknya dan sepatutnya akan bertambah ketara. Sumbangan itu pada pokoknya dalam bentuk penggunaan jasa baik jawatan, sebab kerajaan pada keseluruhannya mempunyai komitmen terhadap Islam dengan memaju dan meningkatkan kepentingan-kepentingannya maka orang yang akan melaksanakan komitmen tersebut ialah pegawai-pegawai dan kakitangannya di semua peringkat.

BERBAGAI-BAGAI SALURAN

Jika sumbangan dalam memaju dan meningkatkan kepentingan-kepentingan agama rasmi itu berkehendakkan salurannya maka kerajaan ada mempunyai berbagai-bagai saluran itu.

Tidak patut berbangkit soal penyalahgunaan saluran kerajaan ataupun jawatan kerajaan apabila seseorang pegawai atau kakitangan kerajaan itu memberikan sumbangannya dalam memaju dan meningkatkan kepentingan agama rasmi; melainkan jika dasar, cita-cita dan komitmen kerajaan terhadap agama itu tidak membenarkannya berbuat demikian. Yang nyatanya setakat ini dasar, cita-cita dan komitmen kerajaan terhadap agama rasmi adalah sedia memberi galakan bagi semua dasar-dasarnya dan menjayakannya termasuklah dasar-dasar mengenai agama.

Bagi sesetengah agama lain, pengembang-pengembangnya sentiasa berusaha mengadakan berbagai-bagai saluran. Mereka itu mendapatkan sumbangan dari berbagai-bagai punca, katalah untuk mengadakan sekolah, hospital, kelab-kelab dan sebagainya. Pergerakkan mereka kelihatannya berasaskan kepada 'kerja-kerja sosial' dan semangat sukarela.

Bagi kita jika sekolah dikehendaki; hospital diperlukan; berbagai-bagai media mahu digunakan; maka bukan sahaja kita iaitu kerajaan memiliki bahkan memiliki keseluruhan sistem yang menggerakkannya. Tentulah lojik ini tinggal berkehendakkan 'penggunaan' bagi menentukan yang kita dapat menyalurkan usaha memaju dan meningkatkan kepentingan agama rasmi itu. Lain lagi berbagai-bagai saluran terutama sekali pentadbiran. Kesemuanya berkehendakkan penggunaan yang bijak dan kita tidak nampak yang kerajaan pada keseluruhannya enggan untuk mempergunakan saluran-saluran yang ada ini.

Dari segi pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan pula, mereka berada di semua saluran tersebut dan mereka mempunyai pengaruh untuk menentukan saluran-saluran kerajaan berkeadaan baik atau sebaliknya. Dalam konteks sumbangan dan penggunaan jasa baik jawatan, pengaruh mereka diharapkan sekira-kira akan sentiasa mengketarkan dasar-dasar, cita-cita dan komitmen kerajaan dalam perkara agama rasmi itu.

Kita sudah mula nampak betapa jabatan-jabatan kerajaan mengaturkan berbagai-bagai kegiatan keagamaan bagi kakitangannya sama seperti kegiatan-kegiatan sukan dan kebajikan misalnya. Fenomena ini tidak kelihatan pada masa 20 tahun yang lampau, sekurang-kurangnya menandakan bahawa kesedaran dan yang pentingnya ialah komitmen terhadap Islam itu telah mengambil bentuknya yang berlainan daripada masa dahulu. Maka tidak ada sebab bagi sebarang alasan untuk membantutkan perkembangan yang seterusnya, apa lagi untuk memusing jarum jam ke belakang.

PENUTUP

Secara ringkas dalam kertas ini saya sekadar mengemukakan garis-garis besar sekitar persoalan agama rasmi dalam konteks pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan. Pada keseluruhannya ia adalah bertujuan memberikan latar belakang kedudukan agama rasmi dan betapa sepatutnya pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan berperanan terhadapnya. Pemikiran sekitarnya akan lebih meluas dan mendalam apabila perkara ini dibincangkan. Dan saya ajaklah para peserta membincangkannya.

Dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam